

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKENAAN GERAN DIGITAL PERUSAHAAN, MIKRO, KECIL
DAN SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)**

1.	<p>Apakah Geran Digital PMKS Madani?</p> <p>a) Geran Digital PMKS Madani (GDPM) adalah geran inisiatif yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN), Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC) & Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) bagi membantu PMKS untuk menggunakan perkhidmatan digital dalam operasi perniagaan harian (“Inisiatif”).</p> <p>b) Seperti yang diumumkan di dalam Pembentangan Belanjawan Madani 2025, Kerajaan akan menyediakan geran padanan berjumlah 50% daripada jumlah inbois atau sehingga RM5,000 bagi setiap PMKS yang layak bagi membantu PMKS melanggan perkhidmatan digital untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti perniagaan.</p>
2.	<p>Apakah butir-butir Geran Digital PMKS Madani?</p> <p>a) Tidak layak kepada PMKS yang telah menerima Geran Padanan Pendigitalan terdahulu kecuali bagi permohonan perkhidmatan Inbois Elektronik.</p> <p>b) Geran padanan ini tertakluk kepada maksimum RM5,000 bagi setiap PMKS.</p> <p>a) PMKS dibenarkan untuk memohon sehingga tiga (3) jenis perkhidmatan digital dengan satu atau lebih pembekal perkhidmatan digital yang dilantik.</p> <p>b) Tempoh Sah - Geran ini dibekalkan oleh Kerajaan tertakluk kepada peruntukan yang disediakan.</p> <p>c) Yuran - Tiada yuran dikenakan.</p>

3. **Apakah Perkhidmatan Digital yang boleh dimohon di bawah Geran Digital PMKS Madani?**

Terdapat sembilan (9) jenis perkhidmatan digital yang boleh dipilih seperti di bawah:-

- a) Sistem Di Tempat Jual Elektronik / Sistem Elektronik *Point of Sale* (e-POS)
- b) Sistem Penggajian Sumber Manusia (Human Resources) / Pengurusan Perhubungan Pelanggan (Customer Relationship Management)
- c) Pemasaran / Jualan Digital
- d) Keselamatan Siber
- e) Perancangan Sumber Perusahaan (Enterprise Resource Planning) / Perakaunan & Cukai
- f) Tandatangan Digital
- g) Internet Of Things / Sistem Pintar
- h) Artificial Intelligence (AI) / Kecerdasan Buatan
- i) E-Invoice / Inbois Elektronik

4. **Siapakah yang layak untuk memohon Geran Digital PMKS Madani?**

Pemohon yang memenuhi kriteria di bawah adalah layak dan digalakkan untuk memohon:-

- a) Terbuka kepada PMKS dan Koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Lesen Perniagaan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Penyedia Perkhidmatan Profesional yang berdaftar di bawah badan berkanun masing-masing, yang mana berkenaan. Contoh Penyedia Perkhidmatan Profesional adalah peguam, akauntan, doktor, doktor gigi, jurutera, ahli farmasi, jururawat.
- b) PMKS dimiliki oleh sekurang-kurangnya 60% individu warganegara Malaysia.
- c) PMKS/Koperasi/Penyedia Perkhidmatan Profesional telah beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- d) PMKS/Koperasi/Penyedia Perkhidmatan Profesional mempunyai jumlah purata jualan tahunan sekurang-kurangnya sebanyak RM50,000.

5.	<p>Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Inisiatif ini?</p> <p>Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none">a) Salinan kad pengenalan atau pasport Pemilik Tunggal / Pengarah / Rakan Kongsi PMKS / wakil yang dilantik Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Professional, yang mana berkenaan.b) Salinan lesen pendaftaran PMKS (SSM atau lain-lain borang seumpamanya di bawah Akta Syarikat 2016). Bagi Koperasi, salinan sijil pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan bagi Penyedia Perkhidmatan Profesional, sijil pendaftaran daripada badan berkanun atau pihak kawal selia yang berkenaan.c) Penyata akaun beraudit terkini atau penyata akaun pengurusan kewangan terkini atau penyata bank PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional untuk dua (2) bulan terakhir.d) Sebut harga / inbois pembayaran daripada pembekal perkhidmatan yang dilantik.e) Dokumen dan maklumat lain yang diperlukan oleh pihak BSN dari semasa ke semasa.
6.	<p>Bagaimanakah cara untuk memohon Geran Digital PMKS Madani (GDPM)?</p> <p>Permohonan boleh dibuat melalui laman sesawang Funding Society yang telah dilantik secara rasmi oleh pihak MDEC bagi menguruskan permohonan ini. Sila layari pautan ini https://fundingsocieties.com.my/msme-digital-grant-madani#application-form</p>
7.	<p>Saya telah menerima Geran Padanan Pendigitalan pada masa lalu. Bolehkah saya memohon?</p>

	<p>Tidak, PMKS, Koperasi dan Penyedia Perkhidmatan Profesional yang pernah menerima Geran Padanan Digitalisasi pada masa lalu tidak layak untuk Geran Digital PMKS Madani tetapi dibenarkan bagi permohonan perkhidmatan Inbois Elektronik.</p>
8.	<p>Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan bagi setiap PMKS / Koperasi di bawah Inisiatif ini?</p> <p>Geran sebanyak 50% daripada jumlah inbois atau sehingga RM5,000.00 bagi setiap PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional yang layak untuk melaksanakan pendigitalan.</p> <p>Jika inbois daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik adalah berjumlah RM10,000.00 (jumlah maksimum), jumlah geran yang layak diterima oleh PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional di bawah Inisiatif ini adalah sebanyak RM5,000.00 dan sekiranya jumlah inbois daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik adalah kurang daripada RM10,000.00, jumlah geran yang layak diterima oleh PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional di bawah Inisiatif ini adalah 50% daripada jumlah inbois tersebut. Manakala bagi inbois yang melebihi RM10,000.00, PMKS / Koperasi hendaklah membayar jumlah perbezaan selepas mengambil kira jumlah maksimum geran sebanyak RM5,000.00 sahaja.</p>
9.	<p>Berapa yang perlu saya bayar pendahuluan?</p> <p>PMKS mesti membayar baki jumlah inbois (selepas ditolak amaun geran) kepada pembekal perkhidmatan digital melalui perkhidmatan pembayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima. Selepas penghantaran perkhidmatan, BSN akan membayar sebanyak 50% daripada jumlah inbois atau sehingga RM5,000.00 kepada pembekal perkhidmatan digital.</p>
10.	<p>Berapa lama proses permohonan mengambil masa?</p>

	<p>Tempoh proses permohonan boleh mengambil masa sehingga tiga (3) hari bekerja. Selepas anda menyerahkan permohonan anda, ia akan disemak untuk kelulusan. Anda akan dimaklumkan melalui e-mel tentang status permohonan anda.</p>
12.	<p>Apakah yang berlaku sekiranya permohonan saya diluluskan?</p> <p>Sekiranya permohonan anda diluluskan, anda akan dimaklumkan melalui e-mel. Anda kemudiannya dikehendaki membayar baki jumlah inbois (selepas ditolak amaun geran) dalam masa 14 hari. Selepas pembayaran berjaya, pembekal perkhidmatan digital anda akan mula menyampaikan perkhidmatan.</p>
13.	<p>Bagaimanakah cara saya membuat pembayaran baki jumlah inbois?</p> <p>Anda akan menerima e-mel dengan pautan pembayaran yang unik. Anda dikehendaki membuat pembayaran baki jumlah inbois tersebut melalui pautan pembayaran.</p>
14.	<p>Apakah yang berlaku jika saya gagal membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan?</p> <p>Jika anda gagal membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan geran anda akan dibatalkan secara automatik dan anda perlu memohon semula untuk mendapatkan geran tersebut.</p>
15.	<p>Bagaimanakah saya akan dimaklumkan tentang kemajuan status permohonan saya?</p> <p>Anda akan dimaklumkan melalui e-mel tentang perkembangan status permohonan anda.</p>